

9) ISU HAK MILIK PREMIS PERUMAHAN DI TAMAN SAUJANA PUCHONG DAN LESTARI PUTRA

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi (Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) **Status berkenaan isu pemindahan hak milik dari pemaju kepada individu melibatkan Liquidator Ler Lam Sdn. Bhd.**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) mendapati bahawa pemindahan hakmilik daripada pemaju kepada individu belum boleh dilaksanakan selagi isu berkaitan pengeluaran hakmilik tanah belum diselesaikan oleh pihak pemaju / pelikuidasi. Status terkini bagi perumahan di Taman Saujana Puchong dan Lestari Putra seperti berikut :

BIL	NAMA SKIM	ALAMAT	PEMAJU	STATUS
1.	Pangsapuri Seri Sentosa	Saujana Puchong	Expand Factor Sdn Bhd	Tiada Hakmilik Strata
2.	Pangsapuri Seri Damai	Saujana Puchong	Expand Factor Sdn Bhd	Tiada Hakmilik Strata
3.	Kondominium Paragon 3	Lestari Putra	Paragon Promenade Sdn Bhd	Lulus SiFUS (2020)
4.	Pangsapuri Seri Angsana	Lestari Putra	Dalam Siasatan	Tiada Hakmilik Strata
5.	Pangsapuri Sri Indah	Lestari Perdana	Menteri Besar Selangor (MBI)	Lulus SiFUS dan Pindaan Syarat Nyata Tanah (PSNT) (2024)

Kerajaan Negeri senantiasa komited dalam usaha ke arah penyelesaian isu hakmilik sama ada hakmilik individu atau strata. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor akan mengaturkan mesyuarat penyelarasan bagi membincangkan penyelesaian isu hakmilik tersebut bersama Pejabat Tanah & Daerah, pemaju / pelikuidasi serta agensi berkaitan. Susulan daripada itu, perkara melibatkan hakmilik strata akan dilaporkan ke Jawatankuasa Induk Dana Strata Selangor (DSS) yang dipengerusikan oleh saya sendiri bagi tujuan pemantauan secara berkala.